

# Generasi muda perlu ambil peranan bentuk negara – Sultan Nazrin

**KUALA LUMPUR 8 Dis.** - Keperluan bagi generasi muda untuk bangkit dan mengambil peranan dalam membentuk negara ini semakin penting kerana Malaysia kini menghampiri negara berpendapatan tinggi.

Sehubungan itu Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bertitah, Anugerah Merdeka menawarkan geran jangka pendek untuk membolehkan warganegara berusia 22 hingga 35 tahun terlibat dalam usahasama dengan institusi bertaraf dunia.

“Di sini, kita mencipta peluang bagi penerima untuk membina hubungan dengan pakar-pakar lain dalam bidang masing-masing serta berkongsi maklumat, seterusnya menyumbang kepada negara,” titahnya dalam majlis Anugerah Merdeka 2014 di Menara Berkembar Petronas di sini malam ini.

Yang turut berangkat, Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim.

Yang turut hadir, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Petronas, Tan Sri Shamsul Azhar Abbas.

Pada majlis tersebut, kartunis terkemuka, Datuk Mohd. Nor Khalid, 63, atau Lat muncul antara enam penerima Anugerah Merdeka 2014 atas sumbangan beliau dalam bidang pendidikan dan komuniti.

Selain Lat, lima individu lain ialah Mohd. Khan Momin Khan, Datuk Dr. Choo Yuen May, Prof. Dr. Abdul Latif Ahmad, Prof. Dr. Ahmad Fauzi Ismail dan Datuk Seri Gathorne Earl of Cranbrook yang dipilih berdasarkan bidang kepakaran masing-masing.

Lat menerima anugerah tersebut berdasarkan sumbangannya memperkenalkan budaya masyarakat Malaysia menerusi lakaran kartun manakala Mohd. Khan, 79, melalui penyelidikan dan pemeliharaan kehidupan liar di negara ini.

Di samping itu, Choo Yuen, 59, yang aktif dalam bidang kesihatan, sains dan teknologi serta melalui usaha beliau melakukan penyelidikan berasaskan industri kelapa sawit.

Dua lagi individu dipilih menerima anugerah itu bagi kategori pencapaian ilmiah ialah Abdul Latif, 47, dan Ahmad Fauzi, 48.

Bagi anugerah atas sumbangan kepada rakyat Malaysia pula, pemilihan Gathorne, 81, dibuat berikutan usahanya dalam pemeliharaan biodiversiti hutan.

Dalam pada itu, Ketua Jabatan Fisiologi, Perdana Universiti-Kolej Perubatan Diraja Ireland, Dr. Kamalan Jeevaratnam dan Pensyarah Kanan Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Lim Hong Ngee dipilih sebagai penerima geran Anugerah Merdeka 2014 bagi menjalankan penyelidikan dalam bidang masing-masing di luar negara.



**SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH** bersama penerima Anugerah Merdeka, Mohd. Nor Khalid (tiga dari kiri), Mohd. Khan Momin Khan (dua dari kiri), Dr. Choo Yuen May (empat dari kiri), Dr. Abdul Latif Ahmad, Dr. Ahmad Fauzi Ismail dan Gathorne (kiri) dalam majlis penyampaian anugerah tersebut di Kuala Lumpur, malam tadi. Turut sama, Shamsul Azhar Abbas (kanan).  
- UTUSAN/DJOHAN SHAHRIN SHAH